

BERITA HARIAN

DATE: 10/2/2010

Dr M puji usaha Najib

Pentadbiran PM terus tradisi bekerja untuk rakyat

KULIM: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau gembira dengan kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak kerana mempraktikkan ciri pentadbiran yang memenuhi kehendak serta kepentingan rakyat dan negara.

"Saya sudah beberapa kali menemui Najib sejak beliau mengambil alih kepemimpinan negara dan rasa senang dengan cara beliau mentadbir sehingga kini," katanya ketika berucap pada prog-

Saya yakin krisis dalaman membabitkan beberapa parti komponen Barisan Nasional akan selesai sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

ram Mesra Rakyat anjuran bersama Umno Bahagian Padang Serai dan Yayasan Pembangunan Insan Pulau Pinang di sini, malam kelmarin.

Beliau berharap Najib meneruskan tradisi bekerja dan berjasa kepada rakyat.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin krisis dalaman membabitkan beberapa parti komponen Barisan Nasional (BN) akan selesai sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13.

Katanya, pemimpin parti itu sedar penyelesaian sege-

ra pergeseran dalaman akan menjamin masa depan BN kembali cerah untuk menang pilihan raya akan datang dengan majoriti lebih baik.

Dr Mahathir berkata, pemimpin yang bertelagah sedar mereka tidak ada pilihan kecuali berbaik semula.

Katanya, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana pembangunan dalam pelbagai bidang sejak Merdeka hampir 53 tahun lalu banyak mengatasi negara lain di dunia yang merdeka dalam tempoh sama. - Bernama